



SEMINAR SASTERA RAKYAT SABAH 2005

DUNDANG DAN MASYARAKAT BERUNAI
MEMBAKUT
OLEH
ARIFIN ARIF

ANJURAN
**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
CAWANGAN SABAH**

DENGAN KERJASAMA
**PERSATUAN RUMPUN MELAYU
LAHAD DATU**
DAN
**KELAB SUKAN DAN REKREASI
LAHAD DATU**

TARIKH

26 - 27 OGOS 2005

Dundang dan Masyarakat Berunai Membakut
oleh
Arifin Arif

1. Pendahuluan

1.1. Membakut sebuah daerah kecil di Bahagian Pedalaman Bawah Sabah. Terletak 70km dari Kota Kinabalu dan 20km dari daerah Beaufort. Membakut mempunyai kawasan 132.8km persegi, 20 kaki dari paras laut. Kawasan ini terdiri daripada 80 peratus tanah rendah, 20 peratus tanah berbukit.

1.2. Melalui persempadanan semula kawasan pilihanraya, Membakut menjadi salah sebuah kawasan Dewan Undangan Negeri, DUN N 24 Membakut dengan penduduk seramai 20,100 orang manakala pengundi yang berdaftar seramai 9,444orang. Membakut terdiri daripada 4 mukim iaitu Mukim Binsulok, Mukim Bandau, Mukim Mawao dan Mukim Bambangan dengan memiliki 30 buah kampung. Penduduk Daerah Kecil Membakut terdiri daripada, Melayu 11, 537 Kadazan Dusun 7,456 Cina 800 dan lain-lain 307

1.3. Masyarakat Membakut yang sebahagian besarnya suku kaum Melayu Barunai memiliki warisan kesenian yang masih dipertahankan dan diajarkan kepada generasi muda. Gerakan terus dilaksanakan bagi menurunkan kesenian ini kepada generasi muda ke arah merealisasikan Membakut sebagai daerah seni. Usaha membudayakan seni Barzanji, Marhaban, Tawasyih, Gambus, Kompong, nasyid dan gulingtangan digerakkan melalui pelbagai kegiatan. Dalam kesusteraan Membakut berusaha mempertahankan tradisi syair, pantun dan prosa melalui seni *dundang*, kumpulan gambus dan *diandangan*.

1.4. Membakut berjiran dengan kampung-kampung seperti Menumbok, Sipitang, Weston, Bongawan, Benoni dan Papar yang juga terkenal dengan

Kertas kerja ini dicetak berdasarkan sumber asal tanpa sebarang penyuntingan

tradisi pantun masyarakat Berunai yang diterjemahkan melalui dundang dan bait-bait lagu dalam persembahan gambus.

Menurut Mohd. Thani Ahmad, kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan yang masih terus memelihara tradisi berpantun secara lisan dan masih mampu berpantun secara spontan ialah, Sindumin, Sipitang, Weston, Beaufort dan Membakut. (Sumber, Kurik Kundi, Merah Saga, DBP, KL, 2002)

Di Membakut antara tokoh yang terkenal itu ialah Dayang Guna Munap dari Binsulok dan Salmah atau dikenal sebagai Bulamah dari Kg. Pimping. Kedua-duanya telah dianugerahi Tokoh Budayawan Kitani oleh Persatuan GERIMIS dan UPKR 24 .

1.5. Persatuan Masyarakat Berunai Sabah (PMBS) yang mempunyai cawangan di kebanyakan kampung masyarakat Berunai di Sabah memainkan peranan penting dalam melestarikan seni budaya ini. Di kawasan Membakut terdapat tiga cawangan PMBS yang aktif dengan usaha mempertahankan kesenian masyarakat Berunai

2. Seni Dundang

2.1. Dundang merupakan pantun yang dialunkan dengan ciri-ciri berikut:

- 2.1.1. Dimulakan dengan irungan gandang yang terdiri daripada guling tangan, canang, tawak-tawak dan agong dengan rentak yang dinamakan Ida-Ida.
- 2.1.2. Suara ramai kumpulan lelaki mengalunkan mukadimah dundang, “*Dundang sayang si dundang anak orang*”.
- 2.1.3. Beberapa orang lelaki melabuh pantun/dundang
- 2.1.4. Irama ida-da dan mukadimah dundang
- 2.1.5. Pihak wanita menjawab pantun yang dilabuh

- 2.1.6. Biasanya pemantun lelaki dan wanita dipisahkan oleh tabir atau pintu

Hari kawin *memucang-mucang*
Jalin *kalupis* di pagi sabtu
Pantun dundang bunyinya kencang
Balas-balasan di balik pintu

- 2.2. Dundang lazimnya dihubungkan dengan keraian majlis perkahwinan, misalnya selepas majlis berbedak, keluarga, sanak saudara dan masyarakat kampung *memucang-mucang* untuk persiapan kenduri majlis perkahwinan pada keesokan harinya. Sambil bekerja mereka dihibur dengan dundang.

Berorong-orong sambil bergandang
Esok majlis pengantin baru
Jangan *marung* pakai selendang
Petua permanis pakaian guru

- 2.3. Pantun-pantun dalam dundang mempunyai tema yang pelbagai seperti berunsur agama, nasihat, sindiran, kasih sayang dan percintaan.

- 2.4. Pada masa seni dundang menjadi alat yang penting sebagai media hiburan, dundang boleh menautkan hubungan antara pedundang sehingga membawa ke jinjang pelamin. Pesta dundang ini pula menjadi wadah untuk muda dan mudi menautkan hubungan kasih sayang dengan secara sopan. Oleh itu kemahiran mencipta pantun secara spontan menjadi kelebihan dan menjadi keperluan pula.

Dundang sayang si dundang anak orang

Langkuas sudah *besuli*
Kulimpapat marak di tangkai
Kain *kalas* oleh membeli
Batah dilipat ndada pemakai

Dundang sayang si dundang anak orang

Durian masak ke tangkai
Masam-masam buah *caramai*
Unjar-unjar kana pemakai
Baru *bisai* bawa beramai

Dundang sayang si dundang anak orang

Anak Banjar makan *caramai*
Malam *pukul* suara takbir
Sudah diunjar badan pemakai
Orangnya *bisai* subalah tabir

Dundang sayang si dundang anak orang

Puteri Andalas berdandan seri
Raja berkuda dalam hutan
Jika ikhlas mau memberi
Dipakai ia jadi ingatan

5. Khatimah

- 5.1. Pantun yang dibawakan dalam dundang yang menjadi warisan tradisi masyarakat di daerah Membakut dapat memancarkan nilai-nilai permuafakatan, kasih sayang dan budaya masyarakat..
- 5.2. Di Membakut masih terdapat beberapa tokoh yang boleh melabuh dan membalias pantun atau dundang secara spontan. seperti Dg Gunah Munap, 80 tahun dari Kg. Binsulok yang berkemahiran dalam pantun, dundang dan bermain gulingtangan.
- 5.3. Kelaziman berdundang pada majlis perkahwinan kini semakin hakis kerana diganti dengan aktiviti seni yang lain dan generasi muda sudah kurang minat dan tidak dapat menguasai bidang ini. Namun usaha untuk mempertahankan seni dundang ini terus dilakukan melalui aktiviti keramaian yang diadakan.
- 5.4. Pendukumentasian pantun/dundang giat dilakukan bagi menyelamatkan seni tradisi ini. Dundang juga akan cuba diperkenalkan kepada kanak-kanak dan remaja yang menjadi pewaris kepada seni ini.
- 5.5. Pesta Dundang Membakut yang akan dijadikan aktiviti tahunan melibatkan pelajar, remaja dan dewasa merupakan antara usaha untuk menghidupkan kembali dundang sebagai warisan.

Wassalam, Arifin Arif, Membakut, Ogos 2005

Ada menapan ada memucang
Padi diketam dengan linggaman
Semoga iman tidak bergoncang
Di depan dugaan jua ancaman

Pergi ke masjid sembahyang *jemaah*
Banyak pahala beroleh rahmat
Mari eratkan nilai *ukhuwah*
Jauhkan sengketa hidup selamat

Lepas tarawih kita *menuruni*
Banyak kueh susun di lantai
Selagi bernafas mesti berani
Baru hasrat akan tercapai

Malam tarawih *tadarus Quran*
Ayat dibaca sehingga tamat
Taatilah akan segala ajaran
Dunia akhirat pasti selamat

Baca *barzanji* alunkan *marhaban*
Gunting jambul lepas akikah
hidup mesti sedia berkorban
beroleh pahala beroleh berkah

Orang tua penghulu kita
Jaga adat jaga maslahat
Nda kira bangsa semua rata
Merasa diri Tuhan melihat

Anak Cina menjual kacang
Pikul jualan keliling kampung
Bila bercakap janganlah lancang
Nanti seorang terapung-apung

Anak Dusun memasang bubu
Bubu diikat dengan tangsi
Biar jasad menjadi abu
Tetap kupegang sumpah berkasih

Minum air jintan selasih
Jumpa dangan sudah serasi
Kalau diingat masa berkasih
Air mata tumpah ke nasi

Hari minggu pergi ke *Bua*
Orang ramai pergi ke *tamu*
Hidup golmat bagai di gua
Jika di dada tiada ilmu